



## PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA

### KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

#### KENYATAAN TAWARAN

**TARIKH IKLAN : 02 SEPTEMBER 2025 (SELASA)**

Tawaran Tender Perunding adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang **330210 (Sains Kesihatan/Perancangan Perubatan)** untuk mengambil bahagian di dalam tender seperti berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN (RM)	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENYERTAAN TENDER	TARIKH TENDER DITUTUP
<p>Tender Bagi Kajian Penyediaan Kaedah Pelaksanaan Dan Pelan Induk Pembangunan Semula Hospital Kuala Lumpur</p> <p><b>No. Jadual T/P&amp;P : 163/2025</b></p>	<p>50.00</p> <p>(Tidak akan dikembalikan)</p>	<p>Dokumen Tender boleh diperolehi/dijual mulai <b>3 September 2025 (Rabu)</b> di alamat :-</p> <p>Kaunter Tender Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan persekutuan, <u>62590 PUTRAJAYA</u></p> <p>pada waktu-waktu pejabat seperti berikut:-</p> <p>Hari/masa:</p> <p>Isnin – Khamis 8.00 pagi - 1.00 ptg 2.00 ptg - 4.00 ptg</p> <p>Jumaat 8.00 pagi – 12.00 t/hari 2.45 ptg – 4.00 ptg</p>	<p>Tawaran ini hanya terbuka kepada syarikat yang <b>berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)</b> dalam kod bidang berkaitan.</p> <p>Sebarang pertanyaan sila hubungi :</p> <p>Seksyen Perancangan Fasiliti Kesihatan, Bahagian Perancangan, Kementerian Kesihatan Malaysia. No. Telefon : 03-8883 2045</p>	<p>23 September 2025, jam 12.00 tengah hari</p>

Tempat serahan Dokumen Tender hanya di:

**KAUNTER TENDER  
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN,  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,  
ARAS 7, BLOK E7, KOMPLEKS E, PRESINT 1,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325**

**DOKUMEN TENDER YANG LEWAT TIDAK AKAN DITERIMA. KEMENTERIAN INI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS SEBARANG KELEWATAN PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER MELALUI POS LAJU / COURIER.**

Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal.**

Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan selaras dengan PP/PK 2.2 perenggan 26.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Perolehan bagi tender ini tidak tertakluk dengan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dalam bentuk **Bank Draf atau Money Order sahaja** atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia.**

**BAYARAN MELALUI WANG TUNAI/CEK/WANG POS TIDAK DITERIMA.**

**PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG INGIN MEMBELI DOKUMEN TENDER DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA YANG ASAL BERSERTA SALINAN (TIDAK DIKEMBALIKAN) UNTUK PENGESAHAN PENDAFTARAN**

**Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia**